

Langkawi digegar aksi menarik

UM 1 - OCT 2003

LANGKAWI 30 Sept. — Ruang Langkasa Langkawi sekali lagi digegarkan dengan bunyi enjin pesawat dan aksi-aksi menarik yang mempersonakan sebaik sahaja Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2003 dirasmikan hari ini.

Perasmian yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta beberapa menteri kabinet.

Berangkat sama ke pertunjukan udara sebaik sahaja acara perasmian penuh simbolik disempurnakan ialah Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

Pertunjukan yang diadakan pada pukul 10.45 pagi itu dimulakan dengan

persembahan beberapa formasi mendedarkan oleh pesawat pejuang F5E daripada Skuadron ke-12 yang berpusat di Butterworth, Pulau Pinang, milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Sejurus kemudian, sebanyak 160 penerjun kesemuanya anak watan Kedah, melakukan penerjunan mereka dari pesawat pengangkut Hercules.

Penglibatan mereka adalah bagi memberi penghormatan terakhir kepada Dr. Mahathir yang akan melepaskan jawatannya pada hujung Oktober ini.

Turut mengambil bahagian menerusi pertunjukan khas TUDM yang mengambil masa setengah jam tersebut ialah pesawat MiG29 dan F18 Hornet daripada Skuadron ke-18, juga berpangkalan di Butterworth dan merupakan pesawat yang dipandu oleh dua juruterbang.

Sementara itu, panas terik tidak

langsung menghalang orang ramai menyaksikan kehebatan para juruterbang Red Arrows melakukan pelbagai aksi dan formasi menarik setelah pasukan daripada United Kingdom itu gagal mengambil bahagian pada LIMA '01.

Malah kepakaran mereka mengawal jarak dan pesawat sambil melakukan lukisan tertentu termasuk yang berbentuk hati menyebabkan para pengunjung memberi tepukan dan tidak mahu berganjak daripada tempat masing-masing.

Dr. Mahathir kemudian melakukan lawatan ke tapak pameran setelah menyaksikan pertunjukan daripada kedua-dua pasukan yang mengambil masa keseluruhan satu jam.

Pameran LIMA '03 yang akan berlangsung sehingga 5 Oktober ini akan mula dibuka kepada orang ramai pada 4 dan 5 Oktober ini.